

172

NO. SOALAN : 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 8 MAC 2018 (KHAMIS)

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah baki wang yang ada di tangan FELDA semasa Tan Sri Isa Samad mengambil alih kepimpinan FELDA pada penghujung tahun 2010. Berapa pula hutang yang ditinggalkan oleh Tan Sri Isa Samad apabila beliau ditamatkan perkhidmatan di FELDA.

Y13

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mantan Pengurus FELDA, Yang Berhormat Tan Sri Isa Samad memegang jawatan sebagai Pengurus FELDA sejak 1 Januari 2011 dan tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Disember 2016.

FELDA telah melaksanakan pemakaian Piawaian Pelaporan Kewangan atau *Financial Reporting Standards* ("FRS") mulai tahun kewangan 2006 dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA3.1/2013 – Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan tahunan yang diaudit. Seterusnya, FELDA telah mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran mulai tahun kewangan 2010 yang memerlukan pendedahan dalam Penyata Kewangan untuk mengambil kira nilai saksama (*fair value*). Nilai saksama merupakan anggaran rasional dan tidak berat sebelah daripada harga pasaran potensi yang baik, perkhidmatan atau aset. Anggaran ini mengambil kira penjejasan nilai apabila kos yang diakaunkan melebihi nilai saksama.

Pada penghujung tahun 2010, berdasarkan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2010 yang telah diaudit, jumlah baki tunai FELDA adalah sebanyak RM1,346.60 juta yang terdiri daripada dua (2) komponen iaitu Deposit Tetap dan Lain-Lain Deposit serta Wang Di Tangan Dan Di Bank. Jumlah Deposit Tetap dan Lain-Lain Deposit adalah sebanyak

RM1,322.40 juta manakala Wang Di Tangan Dan Di Bank pula berjumlah RM24.20 juta. Pada 31 Disember 2016, berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit, jumlah Liabiliti FELDA adalah sebanyak RM9,929.10 juta.

Sekian. Terima kasih.